

# UMS galakkan program bicaradiskusi

URB 27.02.2015

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan Forum Masa Depan Malaysia: Prospek dan Cabaran sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan para aktivis khususnya mahasiswa dalam menyuburkan wacana dan program bicaradiskusi ini.

Forum ini berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UMS yang melibatkan Naib Presiden Kelab Debat Bahasa Melayu UMS (KDBM) iaitu Iskandar Zulkarnain selaku moderator forum itu.

Lebih menarik lagi forum ini kerana dihadiri panel daripada dua wakil rakyat

yang berbeza aliran politik dan pendapat masing-masing iaitu Ahli Parlimen Pensiangan Arthur Joseph Kurup dan Timbalan Menteri MESTECC merangkap Ahli Parlimen Kota Belud Is-snaraisah Munirah.

Turut terlibat iaitu panel akademik, Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni iaitu Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng yang mengupaskan entiti betapa pentingnya kebebasan bersuara di dalam memastikan makna demokrasi di Malaysia di tambah pula dengan kehadiran Pengerusi Majlis Belia Sabah (MBS) Ahmad Farid Sainuri.

Tujuan utama forum ini dijalankan adalah untuk mem-

perkenalkan serta melibatkan seluruh warga universiti dengan wacana pembudayaan dasar dan demokrasi di Malaysia sekaligus membincangkan isu semasa dalam hal ehwal politik, ekonomi serta perkongsian idea yang bernas dalam memacu kemajuan negara.

Program ini adalah anjuran daripada Institute for Leadership and Development Studies (LEAD), Kaukus Ahli Parlimen Muda Parlimen Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama daripada Malaysia Reform Initiative (MARI), U.S. Embassy Kuala Lumpur serta United States Agency for International Development (USAID).